# PERJANJIAN HUDAIBIYAH



**LOKASI HUDAIBIYAH**

PERJANJIAN HUDAIBIYAH

1. sebuah kampung terletak berhampiran Kota Mekah
2. Di sini dimeterikan perjanjian damai yang membawa kepada gencatan senjata di antara umat Islam dengan kafir Quraisy Mekah dinamakan Perjanjian Hudaibiyah .
3. Peristiwa ini berlaku pada bulan Zulkaedah tahun ke- 6 hijrah di Hudaibiyah
4. Dinamakan Perjanjian Hudaibiyah sempena tempat perjanjian tersebut termeteri.



FAKTOR MENDORONG RASULULLAH & SAHABAT KEMBALI KE MEKAH
Rasa rindu amat sangat terhadap keluarga, sanak saudara & tempat lahir mereka di Mekah (setelah 6 tahun ditinggalkan)
Kedudukan umat Islam sudah kuat & mantap- Setelah umat Islam berjaya mengatasi Musyrikin Quraisy dalam beberasa siri peperangan & mengatasi ancaman Yahudi di Madinah
Kekuatan Iman & azam umat Islam untuk menziarahi Baitullah
Rasulullah telah bermimpi mengunjungi Baitullah, bercukur rambut, mengambil anak kunci Baitullah & Wukuf di Arafah bersama-sama sahabat

**PERSIAPAN RASULULLAH MENGERJAKAN UMRAH**

- Memakai Ihram di Zul Hulaifah, membawa binatang ternakan, pedang yang tersarung dan sentiasa bertalbiah di sepanjang perjalanan

- Mengelak laluan utama dgn mengambil laluan yg berliku-liku di celah-celah bukit

- Melantik pengawal keselamatan yg terdiri daripada penunggang kuda. Melantik Bisyr b Sufian dari kabilah Khuzaah sebagai perisik meninjau reaksi Musyrikin Quraisy terhadap kedatangan rombongan Rasulullah

- Berusaha mengelak peperangan dengan memilih penyelesaian secara diplomasi

- Rasulullah saw sentiasa bermesyuarat dengan sahabat dalam membuat sesuatu keputusan ketika perjalanan

| LATARBELAKANG TERMETERINYA PERJANJIAN HUDAIBIYAH |
| --- |
| • Pada **1 Zulkaedah tahun 6 hijrah Rasulullah & pengikutnya 1400 orang berangkat ke Mekah dengan niat mengerjakan umrah**<br>• Apabila rombongan Rasulullah hampir ke Mekah, **musyrikin Mekah menghantar wakil Budail bin Warqa' al Khuzai memberitahu musyrikin Mekah bersedia dengan senjata untuk menghalang kemasukan rombongan Islam**<br>• Rasulullah arahkan Budail maklumkan semula kepada pihak Quraisy kedatangan muslimin untuk ziarah bukan perang. Rasulullah juga berharap dapat diwujudkan perdamaian di antara kedua-dua belah pihak satu tempoh tertentu<br>• **Musyrikin Mekah hantar pula Urwah bin Masud utk berunding dengan Rasulullah. Tetapi gagal mencapai sebarang persetujuan**.<br>• **Rasulullah utuskan Saidina Uthman bin Affan untuk berunding** dengan kafir Quraisy. Beliau **ditahan selama 3 hari oleh pihak kafir Quraisy**<br>• Rasulullah t**erima berita Saidina Uthman dibunuh**. Rasulullah & rombongannya bermesyuarat & bersetuju membuat **SUMPAH SETIA** untuk menuntut bela kematiah Uthman.<br>• **Sumpah Setia ini dinamakan BAI'ATUR RIDHWAN / BAI'ATUS SYAJARAH , Sempena tempat janji setia itu diadakan iaitu di bawah pokok bernama "Ridhwan"** ( Surah al Fath , ayat: 10)<br>• Setelah Musyrikin Mekah mengetahui keputusan rombongan Islam untuk membela kematian Saidina Uthman , mereka membuat keputusan membebaskannya semula.<br>• **Pihak Musyrikin Mekah menghantar Suhail b Amr utk berunding dgn Rasulullah bersetuju mengadakan perjanjian dengan pihak Islam di Hudaibiyah. Perjanjian ini dikenali dengan nama PERJANJIAN HUDAIBIYAH, sempena tempat termeterinya perjanjian tersebut .** |

**SEBAB BERLAKU PERJANJIAN HUDAIBIYAH**

- Ketaatan dan kepatuhan sahabat kepada kepimpinan Rasulullah
- Sikap umat Islam yang cintakan keamanan dan berusaha mengelakkan peperangan
- Keputusan Rasulullah & sahabat utk mengerjakan umrah dihalang
- Sikap toleransi Rasulullah dan sahabat
- Kebijaksanaan Rasulullah mengatur strategik menghadapi kaum Musyrikin Quraisy

## ISI PERJANJIAN HUDAIBIYAH

1. Orang Islam tidak boleh mengerjakan umrah pada tahun tersebut ( 6 H) & boleh mengerjakan pada tahun berikutnya. Mereka boleh membawa pedang yang tersarung & berada di Mekah tidak melebihi 3 hari

2. Gencatan senjata selama 10 tahun. Dalam tempoh itu kedua pihak tidak boleh mencuri mengkhianati & memungkir janji

3. Orang kafir Quraisy yang masuk ke Madinah , (walaupun telah memeluk agama Islam), hendaklah dipulang semula ke Mekah

4. Orang Islam Madinah yang masuk ke Mekah, tidak perlu dihantar pulang ke Madinah

5. Pihak Musyrikin Mekah & Islam Madinah boleh / bebas membuat perjanjian dengan mana-mana pihak yang mereka
Sukai

6. Kedua-dua pihak tidak boleh membantu mana-mana kaum yang bersengketa @ berperang

KESAN PERJANJIAN DAMAI HUDAIBIYAH

1. Orang Islam & orang Kafir dapat berinteraksi antara satu sama lain
2. Buka peluang kepada umat Islam Madinah untuk menyusun strategi untuk membebaskan Mekah dari cengkaman jahiliyah
3. Dapat menghindar &mengelakkan pertumpahan darah antara kedua pihak
4. Dakwah Islam dapat disebarkan dengan bebas di Mekah & luar mekah
5. Ramai orang kafir memeluk agama Islam secara terang

KESIMPULAN

- ***Kesan perjanjian Hudaibiyah ini ternyata lebih menguntungkan Islam*** *& merugikan pihak Musyrikin Mekah. Selepas dua tahun perjanjian damai Hudaibiyah ini dimeterai, penganut agama Islam bertambah ramai.*
- *Kepesatan kemajuan perkembangan Islam & Bertambahnya pengikut Agama Islam ini ,menimbulkan perasaan dengki & geram Musyrikin Mekah & mereka semakin memusuhi umat Islam . Akhirnya mereka bertindak melanggar Perjanjian Damai Hudaibiyah*

1. Terhindar pertumpahan darah antara org Islam dan Musyrikin Quraisy
2. Faktor utama pembukaan Kota Mekah
3. Org Islam dan Musyrikin Quraisy bebas berinteraksi
4. Org Islam bebas berdakwah
5. Ramai kaum Quraisy memeluk Islam secara terang-terangan

# HIKMAH PERJANJIAN HUDAIBIYAH

**TINDAKAN SUSULAN SELEPAS PERJANJIAN**

- Menghantar utusan ke negeri asing utk tujuan menyeru raja-rajanya peluk Islam
- Menghantar utusan kepada Qabilah-qabilah sekitar Madinah yg dinamakan"Sariyyah" Pd tahun ke7 Hijrah
- Memantapkan kedudukan negara Islam Madinah dan bersedia kembali semula ke Kota Mekah apabila mendapat peluang